



## Kenyataan Media

### KANDUNGAN HINA AL-QURAN: KES TURUT DISIASAT BAWAH AKTA 588

**CYBERJAYA, 27 Februari 2026** – Setelah siasatan polis terhadap individu yang memuat naik gambar memijak al-Quran dijalankan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) meneruskan siasatan lanjut di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].

Tindakan ini diambil susulan penularan satu kandungan di platform Threads yang dimuat naik menggunakan nama akaun “ryandaselva”, memaparkan perbuatan memijak al-Quran.

Kandungan berkenaan dikenal pasti mengandungi unsur penghinaan terhadap agama Islam serta berpotensi mencetuskan ketegangan dan menggugat keharmonian awam.

MCMC telah mengambil keterangan individu berkenaan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan semalam bagi melengkapkan siasatan.

Jika disabitkan kesalahan, individu berkenaan boleh dikenakan hukuman denda maksimum sehingga RM500,000 atau penjara sehingga dua (2) tahun, atau kedua-duanya sekali.

Orang ramai diingatkan agar menggunakan platform media sosial secara berhemah dan bertanggungjawab serta tidak menyebarkan kandungan yang boleh mengganggu ketenteraman awam, menyentuh sensitiviti agama atau menjejaskan perpaduan negara.

### KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKMM\_MCMC



MCMCTV